

Bukti keprihatinan Perkeso

Oleh HADI AB. MANAP
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 9 NOV.

PENGUMUMAN kenaikan pencen pencarum Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menunjukkan keprihatinan badan itu selaras dengan peranannya sebagai tempat bernaung mereka yang kurang bernasib baik.

Pensyarah di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof. Madya Dr. Abu Sofian Yaacob berkata, kenaikan antara 1.2 peratus hingga 10.4 peratus bagi penerima faedah skim bencana pekerjaan dan skim keilangan itu adalah bertepatan dengan kekangan kos sara hidup kini.

“Umum mengetahui bahawa mereka yang menerima pencen daripada kedua-dua skim ini terdiri daripada para pekerja yang hilang keupayaan untuk mencari sumber pendapatan. Golongan ini menanggung kos sara hidup yang lebih tinggi berbanding orang biasa seperti kos perubatan dan sebagainya.



ABU SOFIAN YAACOB



ZULKORNAIN YUSOP

“Kenaikan pencen pencarum yang berkuatkuasa bermula 1 September lalu sedikit sebanyak dapat membela mereka dan ia secara tidak langsung menggambarkan kemampuan Perkeso dalam menguruskan wang caruman walaupun kadar caruman tidak dinaikkan sejak sekian lama,” ujarnya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, Presiden Putra Business School Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Zulkornain Yusop berharap, pencarum memanfaatkan kenaikan kadar pencen antara 1.2 peratus sehingga 10.4 peratus dengan sebaik mungkin supaya mereka tidak dibebani masalah kewangan pada masa hadapan.

Ujar beliau, kebanyakan pencarum yang terlibat dalam kemalangan menyalahgunakan wang yang diperuntukkan dan menghabiskannya untuk keperluan lain.

“Ramai yang terbeban apabila tidak dapat bekerja, oleh itu penerima perlu memanfaatkan perkara ini dengan sebaiknya kerana kenaikan kadar diberi mengikut jenis kecacatan dan

PELARASAN KADAR KENAIKAN PENCEN PERKESO



kemalangan yang dialami,” jelasnya.

Melalui pelarasan itu, Perkeso memperuntukkan sebanyak RM72.62 juta untuk tahun ini manakala RM238 juta bagi

tahun 2018.

Perkara berkenaan bakal memberikan manfaat kepada 328,056 penerima yang akan menerima tunggakan pelarasan bermula 26 Disember depan.